

**Perhimpunan Agung Umno 2014: Pemuda Fokus Isu Kos Sara Hidup
Bernama
Oct 27, 2014**

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Pemuda Umno akan terus memberi penekanan terhadap isu berkaitan kos sara hidup membabitkan golongan muda menjelang berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno 2014 bulan depan, kata ketuanya Khairy Jamaluddin.

Namun, katanya selain agenda utama memperjuangkan nasib golongan muda bangsa Melayu, sayap itu juga akan menyentuh mengenai isu-isu berkaitan yang membelenggu golongan muda kaum-kaum lain.

"Saya akan adakan taklimat dengan jurucakap perwakilan kita untuk menyentuh mengenai isu kos sara hidup, pendidikan, rumah mampu milik, ekonomi serta isu politik semasa," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Pemuda Umno di Menara Dato Onn, di sini pada Isnin.

Khairy, yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata Pemuda Umno mahu komited memperjuangkan bukan sahaja isu berkaitan bangsa Melayu, tetapi juga kaum lain agar dilihat lebih inklusif.

Selain itu, katanya Pemuda akan menganjurkan dua majlis serentak pada 16 Nov ini, iaitu mesyuarat dewan perbandaran dan kongres perumahan, mengenai inti pati pembentangan Bajet 2015 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

Khairy turut melahirkan penghargaan kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan kerana menerima idea Pemuda untuk diwujudkan rumah transit bagi golongan muda yang sudah berkahwin.

Beliau berkata Pemuda akan terus komited membantu kementerian mengenal pasti lokasi tanah yang bersesuaian untuk dijadikan tapak pembinaan rumah transit, di samping memastikan golongan muda yang memenuhi syarat dapat menikmati kemudahan itu, tanpa mengira bangsa dan agama. Dalam pada itu, Khairy berkata Program Pidato Datuk Seri Anwar Ibrahim: 40 Tahun Dari Universiti Malaya (UM) Ke Penjara pada Isnin malam bukanlah sesuatu yang harus golongan mahasiswa pertahankan kerana ia lebih bersifat politik peribadi, katanya.

Beliau berkata walaupun kebebasan bersuara mahasiswa harus dihormati, tidak wajar ia dimanipulasikan oleh pihak berkenaan semata-mata untuk meraih simpati menjelang tarikh perbicaraan rayuan kes liwat ketua pembangkang itu pada Selasa.

"Tapi apabila mereka menganjurkan program, yang tujuan dia satu sahaja, iaitu untuk menghasut mahasiswa dan untuk menyampaikan mesej yang berat sebelah (politik), tidak diberi peluang kepada pihak lain untuk jawab, saya rasa itu bukanlah majlis yang sesuai,"

katanya.

Khairy berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai program itu, yang dikatakan cubaan Anwar untuk meraih simpati pihak luar sebagai benteng terakhir meneruskan kelangsungan politik beliau, terutama menjelang pendengaran rayuan terakhir Anwar di Mahkamah Persekutuan selama dua hari berakhir Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1080046>